

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Peluang syarikat ICT berkembang  
30. Jul 2008  
Harian Metro  
Variasi  
336603  
2192000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
6  
313 cm2  
Daily  
Full Color  
4019.33



# Peluang syarikat ICT berkembang

Kerjasama MIMOS, CIP, MAVCAP, MSC sedia platform bersaing di peringkat global



>>Oleh Afiq Hanif  
afiq@hmetro.com.my

**P**ELUANG syarikat berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di negara ini untuk meneroka pasaran lebih jauh kini lebih terbuka melalui keupayaan pembangunan, bantuan kewangan serta menambah nilai komersial.

Jaringan kerjasama antara MIMOS, Cradle Investment Programme (CIP), Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) dan MSC Malaysia membuka lembaran baru bagi syarikat terbabit untuk bersaing di peringkat global.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab

Abdullah, organisasi terbabit memainkan peranan penting membekalkan industri tempatan untuk menghasilkan produk yang kompetitif kepada pasaran dunia.

"Kami memfokuskan usaha membangunkan platform teknologi agar industri tempatan dapat menggunakannya sebaik mungkin untuk diketengahkan kepada dunia luar," katanya.

Abdul Wahab berkata, MIMOS berusaha sebaik mungkin melakukan penyelidikan bagi membantu industri tempatan dan memberikan hasil kajian kepada mereka untuk tujuan komersial.

"Ini bermakna, industri tidak lagi perlu melabur untuk penyelidikan yang mengambil tempoh lama kerana MIMOS akan melakukan segalanya dengan kepakaran sedia ada," ujar Abdul Wahab.

Katanya, industri ICT tempatan seharusnya memberi tumpuan kepada penjena-



**Kami memfokuskan usaha membangunkan platform teknologi agar industri tempatan dapat menggunakannya sebaik mungkin untuk diketengahkan kepada dunia luar"**

>>Datuk Abdul Wahab Abdullah  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS

maan serta peluang pemarkasan bagi melonjakkan produk atau perkhidmatan mereka.

Melalui kerjasama antara empat entiti terbabit,



program Inovasi Eko Sistem untuk Pembangunan Industri kini terbentuk yang bertujuan memacu proses mengkomersilkan teknologi tempatan.

Ia menumpukan bidang seperti bioteknologi, perkilangan, semikonduktor, elektronik, dan proses pemiagaan sumber luar.